

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [ SUNGAI SIPUT ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah – langkah yang telah diambil untuk memperbaiki Dewan Bedah Hospital Sungai Siput, di mana keadaan sekarang tidak boleh digunakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hospital Sungai Siput (HSS) merupakan sebuah hospital tanpa pakar dengan satu (1) dewan bedah. Dewan Bedah Hospital Sungai Siput (HSS) masih boleh digunakan. Walau bagaimanapun, pada masa ini **penggunaannya** telah dikurangkan **disebabkan oleh pandemik COVID-19 bagi mematuhi Garis Panduan Pengendalian Pembedahan Semasa Wabak COVID-19 di Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).**

2. Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan KKM dan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perak **telah membuat penilaian semula dan bersetuju untuk menambah baik keadaan Dewan Bedah tersebut.** Perkhidmatan pembedahan juga akan ditambah baik supaya perkhidmatan yang ditawarkan kepada orang ramai adalah di tahap yang terbaik dan mengikut Garis Panduan Dewan Bedah yang telah ditetapkan.

3. Oleh yang demikian, pembedahan minor seperti endoskopi, pembedahan mata, *excision* dan *circumcission* boleh dilaksanakan di Dewan Bedah Hospital Sungai Siput setelah memastikan Garis Panduan Pengendalian Pembedahan Semasa Wabak COVID-19 dipatuhi.

Sekian, terima kasih.